



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,

Tel: +60 3 2095 3030

No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,

Fax: +60 3 2095 2121

50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

SIARAN MEDIA

MRT CORP MENGUMUMKAN REKA BENTUK STESEN RTS LINK JOHOR BAHRU-SINGAPURA

Reka bentuk terpilih merupakan pemenang tempat pertama pertandingan

Kuala Lumpur, 19 Februari 2021: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) pada hari ini mengumumkan reka bentuk bangunan bagi stesen Bukit Chagar Rapid Transit System Link (RTS Link) Johor Bahru-Singapura.

Reka bentuk moden dan futuristik ini yang dinamakan “The Integration of Two”, telah mengambil inspirasi daripada hubungan bersejarah yang terjalin di antara Johor Bahru dan Singapura yang telah wujud selama berabad-abad, dan kini bakal diperkukuhkan lagi dengan RTS Link antara Johor Bahru dan Singapura.

Reka bentuk tersebut merupakan pemenang Hadiah Pertama Pertandingan Mereka Bentuk Muka Bangunan (Façade) Stesen RTS Link PAM + MRT Corp RTS Link, yang dianjurkan bersama oleh MRT Corp dan Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM), berlangsung dari 20 November 2020 hingga 25 Januari 2021.

Reka bentuk yang dikemukakan oleh Ar. Chin Yee Chong daripada firma SM Architects Sdn Bhd di Johor Bahru, telah memenangnya wang hadiah berjumlah RM 250,000.00.

Pertandingan ini merupakan idea bernas daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim. DYMM Tuanku adalah Penaung pertandingan dan Ketua Panel Juri.

Dalam ucapan tahniah kepada Ar. Chin dan kumpulannya, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim berkata: “Reka bentuk futuristik ini berjaya menggambarkan hubungan di antara Johor Bahru dan Singapura, dan stesen tersebut bukan sahaja akan menjadi mercu tanda ikonik di Johor Bahru, tetapi juga akan menjadi antara stesen keretapi yang terunggul di dunia.



"Reka bentuk ini telah dipilih oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, bersama-sama dengan Panel Juri pertandingan semasa Mesyuarat Penilaian Akhir kerana simbolisme yang kuat yang digambarkan oleh reka bentuk tersebut," katanya.

Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, dan YAB Datuk Haji Hasni Bin Mohammad, Menteri Besar Johor turut hadir dalam Mesyuarat Penilaian Akhir tersebut.

Kata Mohd Zarif, reka bentuk itu juga menggunakan banyak ciri hijau serta bahan komposit ringan dan canggih.

Tambahnya, kemenangan SM Architect juga sangat bermakna kerana syarikat itu bertapak di Johor Bahru. Selain itu, kumpulan Ar. Chin juga merangkumi arkitek yang merupakan lulusan universiti-universiti di Malaysia.

Pengumuman reka bentuk pemenang telah berlangsung semasa sidang media yang diadakan secara maya disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berkuat kuasa. Turut hadir dalam sidang media itu adalah Presiden PAM, Datuk Ar Ezumi Harzani Ismail dan Pengarah Projek RTS Link, Ir. Zulkifli Mohamed.

Sementara itu, Ezumi berkata pertandingan ini memberi peluang kepada akitek Malaysia untuk menonjolkan bakat dan kemampuan mereka dalam merancang bangunan yang mencabar dan kompleks.

"Pertandingan ini memberi peluang kepada akitek Malaysia untuk turut serta dalam projek penting nasional seperti RTS Link. Ia juga menunjukkan pentingnya peranan imaginasi seni bina dalam transformasi bangunan dan bandar," tambahnya.

Sebanyak 91 penyertaan telah diterima apabila pertandingan ditutup pada 25 Januari 2021. Kemudiannya, sebanyak 10 reka bentuk telah disenarai pendek untuk sesi penilaian akhir yang berlangsung pada 8 Februari 2021.

Semasa sidang media hari ini, Mohd Zarif juga memberi maklumat terkini mengenai Projek RTS Link.

Beliau berkata Pemeriksaan Awam selama tiga bulan untuk projek ini merupakan satu syarat di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan kini dilaksanakan secara maya.

"Kami telah mendapat sokongan luar biasa daripada orang ramai untuk projek ini. Kami juga akan mengkaji semua maklum balas dan pendapat yang diberikan oleh orang ramai semasa Pemeriksaan Awam untuk penambahbaikan lebih lanjut," katanya, sambil menambah bahawa Pemeriksaan Awam akan berakhir pada 15 April 2021.



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,

Tel: +60 3 2095 3030

No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,

Fax: +60 3 2095 2121

50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Zarif juga mengatakan di bawah Program Penyertaan Bumiputera projek itu, lebih daripada 500 kontraktor Bumiputera telah mendaftar untuk menyertai projek ini. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Pembinaan Johor (JCCD).

Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd, sebuah anak syarikat MRT Corp, adalah syarikat infrastruktur Malaysia (InfraCo) bagi Projek RTS Link yang akan membangunkan infrastruktur awam seperti stesen Bukit Chagar, jejambat dan depot di bahagian Projek Malaysia.

RTS Link adalah sebuah perkhidmatan tren ulang-alik yang akan menghubungkan Stesen Bukit Chagar di Johor Bahru dan Stesen Woodlands North di Woodlands, Singapura. Laluan ini dijadualkan akan dibuka pada akhir tahun 2026.

-/tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

+6012-319 6602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali

+6016-2154055/

amalina.ghazali@mymrt.com.my

MRT Corp



**PEMENANG PERTANDINGAN MEREKA BENTUK MUKA
BANGUNAN (FAÇADE) STESEN RTS LINK PAM + MRT CORP RTS
LINK**

Tempat	Nombor Penyertaan/ Nama Reka Bentuk	Nama	Syarikat	Wang Hadiah
Pertama	No. 039: The Integration of the Two	Ar. Chin Yee Choong	SM Architects Sdn Bhd	RM 250,000
Kedua	No. 069: The X-Change	Ar. Lee Cherng Yih	Formzero Cyel Architecture	RM 65,000
Ketiga	No. 057: Parasol of Johor	Ar. Teh Eng Keat	CHY Architects Sdn Bhd	RM 35,000
Sebutan Kehormat	No. 022: Dance of Johor	Ar. Ahmad Syazli bin Mat Hussin	Ong&Ong 360 Consultancy Sdn Bhd	RM 10,000
Sebutan Kehormat	No. 099: Anjung	Ar. Tang Chee Eun	Eun Architect, in collaboration with Spacefighters Sdn Bhd & SW1P Collective Sdn Bhd	RM 10,000
Sebutan Kehormat	Entry 119: DNA Darul Ta'zim	Ar. Muhammad Ali bin Jamaludin	Akitek Jururancang (Malaysia) Sdn Bhd	RM 10,000